

Mematuhi Peraturan dan undang-undang:

Keselamatan Jalan Raya

kenderaan	peduli	dunia	laju	memandu	Kerap
mengurangkan	denda	digantung	menduduki	disedarkan	Kerajaan
mematuhinya	sikap	Keselamatan	terhantuk	kehilangan	Dua
Pemandu	Jauh				

Kemalangan jalan raya bukanlah satu perkara baru di negara kita, malahan sejak sekian lama kemalangan jalan raya yang berlaku di negara ini merupakan antara yang tertinggi di _____. Kemalangan tersebut telah banyak menyebabkan _____ nyawa, terutamanya kemalangan yang melibatkan bas. Oleh itu, _____ telah melakukan langkah-langkah yang sewajarnya bagi _____ kemalangan jalan raya di negara ini.

Antara langkah yang patut dilakukan ialah undang-undang _____ jalan di jalan raya perlu diperketat supaya kemalangan jalan raya dapat dikurangkan. Syarat kelulusan bagi ujian kelas _____ juga haruslah dinaikkan. Selain itu, para pemandu diwajibkan _____ peperiksaan setiap dua tahun untuk memahirkan mereka dengan kemahiran yang diajarkan di kelas memandu dahulu. Keadaan _____ seperti tidak berlampu dan sistem brek yang rosak merupakan salah satu penyumbang utama kemalangan di jalan raya. Oleh itu, para pemandu perlu sentiasa memastikan kenderaan mereka dalam keadaan selamat sebelum digunakan, khususnya untuk perjalanan yang _____. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan haruslah mewajibkan pemeriksaan kenderaan dilakukan setiap tahun dan mengenakan _____ terhadap mereka yang mengingkarinya.

Kemalangan jalan raya yang _____ berlaku sejak belakangan ini adalah berpunca daripada sikap _____ yang suka memandu melebihi had _____ yang ditetapkan. Dalam hal ini, had laju yang sedia ada wajar dikurangkan, khususnya di kawasan lebuhraya, walaupun sesetengah pemandu sememangnya tidak bersetuju dengan cadangan ini, tetapi apabila suatu peraturan itu telah ditetapkan, mereka harus _____.

Denda juga harus dikenakan terhadap pengguna yang memandu melebihi had yang ditetapkan. Jika seseorang pemandu itu didapati melakukan kesalahan yang sama lebih daripada _____ kali, maka lesen memandu mereka perlu _____. Tindakan ini sudah pasti

akan dapat membuka mata pengguna-pengguna lain. Sikap tidak mengambil _____ akan keselamatan di jalan raya dalam kalangan pengguna selama ini pasti akan terhakis apabila amaran menggantung lesen memandu mereka dikeluarkan.

Pengguna juga perlu _____ tentang tanggungjawab mereka ketika berada di jalan raya melalui kempen-kempen keselamatan jalan raya oleh pihak tertentu, bak kata pepatah, janganlah sudah _____ baru hendak tengadah kerana apabila sesuatu kecelakaan sudah berlaku, tiada guna menyesalinya lagi, kerana nasi sudah menjadi bubur.